

# UMS hulur bantuan kepada mangsa kebakaran

## Kampung Numbak

AST 5.10.(3) 2

KOTA KINABALU: Kesusahan yang dialami oleh sebilangan penduduk Kg. Numbak, Sepanggar dalam tragedi kebakaran 1 Oktober lalu sedikit terubat apabila menerima sumbangan dan bantuan warga Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Sumbangan tersebut disampaikan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah di penempatan sementara mangsa kebakaran di Dewan Masyarakat Pekan Menggatal.

Bercakap kepada media beliau berkata, UMS merasa prihatin terhadap musibah yang menimpa penduduk di kampung itu dan telah memulakan usaha mengumpul barang-barang keperluan melalui inisiatif Bahagian Media, Jabatan Canselori sejak dua hari lalu.

Katanya, sumbangan berupa keperluan makanan, pakaian, sejada dan barang keperluan bayi itu merupakan pemberian ikhlas yang melibatkan kakitangan dan pelajar di Universiti Eko Kampus itu.

"Sebagai makluman, kita di UMS bukan sahaja menjalankan kegiatan akademik semata-mata, tetapi turut menjalankan tanggung jawab sosial melalui program bantuan khidmat masyarakat seperti yang dijalankan hari ini," ujarnya.

Sementara itu, salah seorang mangsa, Habil Nasiril, 40, merakamkan ucapan penghargaan terhadap UMS atas keprihatinan yang diberikan terhadap kejadian malang yang menimpa 74 keluarga penduduk tersebut.

Ujarnya, bantuan seperti ini amat diperlukan pada ketika ini memandangkan mangsa-mangsa tragedi kini tinggal sehelai sepinggang.

"Kami amat mengalu-alukan agensi-agensi kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk tampil memberi bantuan berupa pakaian, beras dan sebagainya bagi keperluan para penduduk di penempatan sementara ini," katanya.



SAMPAIKAN... Harun (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan wang tunai kepada salah seorang wakil penempatan mangsa, Habil Nasiril.



KEPERLUAN  
BAYI...  
Harun  
menyampaikan  
sumbangan  
keperluan  
bayi kepada  
keluarga  
mangsa.